

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM (TAMPIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kementerian untuk menangani isu kebajikan pesara anggota tentera. Terutamanya mengenai kemudahan perumahan dan penawaran kerja kepada mereka.

JAWAPAN

Mesyuarat Majlis Veteran Kebangsaan (MVK) yang ke-2 pada 28 Februari 2019 telah membincangkan dan memperhalusi beberapa kertas kerja yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Kecil dan Jawatankuasa Kerja MVK. Antara lain, kertas kerja yang telah disediakan adalah berkaitan inisiatif bantuan kewangan kepada veteran ATM dan juga inisiatif usaha kerajaan di dalam memastikan kesejahteraan warga ATM setelah menamatkan perkhidmatan. Selain itu juga terdapat cadangan mengenai inisiatif perumahan kepada veteran ATM serta pemantapan pelaksanaan dan pengurusan Tabung Pahlawan. Semua inisiatif-inisiatif yang dinyatakan ini adalah bagi membantu kebajikan veteran ATM demi meringankan beban kos sara hidup dan sosio ekonomi veteran ATM yang kian mencabar pada masa kini.

Kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) yang dipertanggungjawabkan untuk memperkasakan program pemilikan rumah veteran ATM di samping mencari kaedah penyelesaian terbaik untuk membantu golongan veteran ATM yang masih belum memiliki rumah sendiri. Inisiatif perumahan veteran ATM ini bertujuan untuk membantu veteran ATM yang berpendapatan rendah atau miskin dengan menyediakan tempat kediaman yang kondusif dan selesa. Fokus inisiatif ini adalah kepada golongan seperti berikut:

1. Veteran ATM atau balu;
2. Veteran ATM yang berada di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK) dengan mengambil kira jumlah tanggungan keluarga; dan
3. Veteran ATM tidak berpencen dan tidak mempunyai pendapatan tetap.

Secara umumnya, pihak kementerian akan mengambil pendekatan menambahbaik projek perumahan sedia ada dengan mengadakan usahasama dan kerjasama dengan semua pihak yang berkepentingan. Perkara ini masih diperhalusi dan dalam peringkat perbincangan sebelum dimuktamadkan pelaksanaannya. Keputusan inisiatif ini nanti akan diumumkan setelah perbincangan bersama semua pihak yang berkepentingan selesai dilaksanakan.

JHEV ATM juga menyediakan program penempatan kerja untuk veteran ATM yang bertujuan untuk mempertingkatkan pengambilan veteran ATM dalam sektor awam dan swasta selepas menamatkan perkhidmatan. Sejak program ini dilaksanakan JHEV ATM telah menjodohkan pekerjaan kepada 4,546 orang veteran ATM. Antara sektor korporat yang pernah dan sedang berkerjasama dalam program ini adalah NadiCorp Holdings, PSA Academy, PRISM Protection Service, UZMA Group, Cisco Security Malaysia, SPN Security, KKKL Bus, Edra Power Holdings dan lain-lain.